



KEMENTERIAN PELAJARAN DAN INOVASI

Aras Bawah, Tingkat 6, 8 – 11 dan 13
Wisma Bandaraya, Jalan Masjid Lama, 88000 Kota Kinabalu
Telefon : 088-288325/288326/288327 Faks : 088-269071

KENYATAAN SEBUTHARGA TERBUKA

1. Sebutharga ini adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Kerajaan Negeri Sabah (**PUKONSA**) Kod Bekalan dan Tajuk : **220204 (Pengurusan Pameran/Pentas) ATAU 220502 (Tenaga Pengajar)** untuk melaksanakan kerja-kerja seperti dalam jadual berikut:

BIL	NOMBOR SEBUTHARGA	TAJUK
1	K-Pi/KIT: 2019/01	Untuk Membekal Tenaga Pengajar dan Melaksana Program Kreatif Arama-iT: Sinda-iT Peringkat Daerah Sipitang
2	K-Pi/KIT: 2019/02	Untuk Membekal Tenaga Pengajar dan Melaksana Program Kreatif Arama-iT: Sinda-iT Peringkat Daerah Kuala Penyu
3	K-Pi/KIT: 2019/03	Untuk Membekal Tenaga Pengajar dan Melaksana Program Kreatif Arama-iT: Sinda-iT Peringkat Daerah Kudat
4	K-Pi/KIT: 2019/04	Untuk Membekal Tenaga Pengajar dan Melaksana Program Kreatif Arama-iT: Sinda-iT 2.0 Peringkat Daerah Putatan
5	K-Pi/KIT: 2019/05	Untuk Membekal Tenaga Pengajar dan Melaksana Program Pemantapan Usahawan Melalui Aplikasi Teknologi: Klinik Aplikasi Teknologi Dalam Keusahawanan
6	K-Pi/KIT: 2019/06	Untuk Membekal Tenaga Pengajar dan Melaksana Program Pemantapan Usahawan Melalui Aplikasi Teknologi: Klinik Aplikasi Teknologi Dalam Keusahawanan 2.0

2. Kontraktor adalah **WAJIB** untuk menghadiri sesi **Taklimat Pelaksanaan Kerja** sebelum membeli dokumen Sebutharga. Kontraktor yang tidak menghadiri taklimat atau hadir selepas masa taklimat adalah tidak layak untuk mengambil bahagian dalam Sebutharga ini. Taklimat akan dilaksanakan pada **27 Februari 2019 (Rabu)**, tepat jam **10.00 pagi** bertempat di Bahagian Kemajuan IT, Kementerian Pelajaran dan Inovasi, Aras 6, Wisma Bandaraya, Kota Kinabalu.
3. Dokumen Sebutharga ini boleh didapati sebaik sahaja sesi taklimat selesai diadakan dengan harga RM20.00 (tidak dikembalikan). Untuk maksud ini, kontraktor hendaklah membawa **SIJIL PENDAFTARAN ASAL** yang dikeluarkan oleh PUKONSA dan membekalkan satu salinan sijil untuk tujuan rekod Kementerian Pelajaran dan Inovasi (K-Pi).
4. Semua dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan bersama dengan profil syarikat dan salinan semua sijil pendaftaran/lesen berkaitan dan dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang ditanda Nombor dan Tajuk Sebutharga di sudut kiri sampul tersebut dan dialamatkan kepada :
- Pengerusi
Jawatankuasa Pembuka Sebutharga
Kementerian Pelajaran dan Inovasi
Aras 8, Wisma Bandaraya, 88000 KOTA KINABALU**
5. Dokumen Sebutharga mestilah dikembalikan tidak lewat daripada jam **10:00 pagi** pada **5 Mac 2019 (Selasa)** dan dimasukkan ke dalam peti Sebutharga yang telah disediakan di **K-Pi, Aras 8, Wisma Bandaraya, Kota Kinabalu**.
6. Jawatankuasa Sebutharga tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah atau sebarang sebutharga.
7. Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai pelaksanaan sebutharga, kontraktor adalah dijemput untuk menghubungi Urusetia Projek di talian telefon : 088-288333.